

**PENGETAHUAN, KEMAHIRAN PELAKSANAAN
DAN SIKAP GURU PEMULIHAN KHAS
SEKOLAH RENDAH TERHADAP PENDEKATAN
DIDIK HIBUR DI PULAU PINANG**

MAZLAN BIN BIDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**PENGETAHUAN, KEMAHIRAN PELAKSANAAN
DAN SIKAP GURU PEMULIHAN KHAS
SEKOLAH RENDAH TERHADAP PENDEKATAN
DIDIK HIBUR DI PULAU PINANG**

oleh

MAZLAN BIN BIDIN

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Oktober 2024

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah Yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, yang telah memberikan petunjuk dan kekuatan kepada saya bagi menyempurnakan disertasi sarjana saya dengan jayanya. Terima Kasih kepada Profesor Madya Dr. Low Hui Min, selaku penyelia utama saya, yang memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang proses penulisan kajian tesis saya disiapkan. Saya turut menghargai segala bimbingan yang diberikan oleh Prof Madya Dr. Aznan Che Ahmad selaku penyelia utama saya sebelum itu.

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas Hadiah Latihan Persekutuan yang diberikan, untuk saya menyambung pelajaran ke peringkat ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang yang memberikan kebenaran untuk saya melakukan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada pegawai - pegawai Pendidikan di Unit Pemulihan Khas di Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Utara, Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah, Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut dan Pejabat Pendidikan Daerah Barat Daya yang juga telah memberikan kerjasama serta membantu pengkaji memperoleh data daripada guru pemulihan di daerah yang terlibat. Penghargaan ini, dirakamkan juga kepada semua guru pemulihan di Pulau Pinang yang terlibat dalam memberikan kerjasama agar kajian ini dapat dijalankan.

Akhir sekali, didedikasikan buat ibu saya, Puan Hajjah Eshah Mat Isa, yang selalu menitipkan doa buat saya, termasuk keluarga dan rakan-rakan sepengajian yang selalu memberikan sokongan, dorongan diatas kesabaran dan pengorbanan saya, dalam menghabiskan tesis sepanjang pengajian ini. Terima Kasih

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH.....	v
SENARAI SINGKATAN	vii
SENARAI LAMPIRAN.....	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Elemen Nyanyian Dalam Didik Hibur	10
1.2.2 Elemen Bercerita Dalam Didik Hibur	14
1.2.3 Elemen Lakonan Dalam Didik Hibur.....	18
1.2.4 Elemen Puisi Dalam Didik Hibur.....	21
1.3 Pernyataan Masalah Kajian.....	23
1.4 Tujuan Kajian.....	29
1.5 Objektif Kajian.....	30
1.6 Persoalan Kajian	31
1.7 Hipotesis Kajian.....	32
1.8 Batasan Kajian	34
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	34
1.10 Kepentingan Kajian	37
1.10.1 Guru Pemulihan.....	38
1.10.2 Pentadbir.....	39

1.10.3	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	39
1.10.4	Kementerian Pendidikan Malaysia.....	40
1.11	Definisi Operasional	40
1.11.1	Didik Hibur.....	40
1.11.2	Pengetahuan.....	41
1.11.3	Kemahiran	43
1.11.4	Sikap	43
1.11.5	Sekolah Rendah	45
1.11.6	Murid Pemulihan Khas.....	45
1.11.7	Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas	46
1.12	Rumusan	47
BAB 2 KAJIAN LITERATUR		48
2.1	Pendahuluan.....	48
2.2	Pelaksanaan Didik Hibur	49
2.3	Kesesuaian Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Pemulihan	54
2.4	Kajian-Kajian Didik Hibur Yang Berkaitan	57
2.5	Teori Pembelajaran Pendekatan Didik Hbur	66
2.5.1	Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura	67
2.6	Kerangka Teori Kajian.....	69
2.7	Kajian Perbincangan Berkaitan Aspek Pelaksanaan Didik Hibur	70
2.7.1	Kajian Dari Aspek Pengetahuan Guru	71
2.7.2	Kajian Dari Aspek Kemahiran Pelaksanaan Guru	74
2.7.3	Kajian Dari Aspek Sikap Guru.....	76
2.8	Kesimpulan	79
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		81
3.1	Pengenalan	81
3.2	Reka Bentuk Kajian	81

3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	83
3.3.1	Latar Belakang Populasi dan Sampel Kajian	83
3.3.2	Penentuan dan Pemilihan Populasi serta Sampel Kajian	84
3.4	Instrumen Kajian.....	86
3.4.1	Bahagian A: Demografi Latar Belakang Responden	89
3.4.2	Bahagian B: Pengetahuan Guru Terhadap Pendekatan Didik Hibur.....	89
3.4.3	Bahagian C: Kemahiran Pelaksanaan Guru Terhadap Pendekatan Didik Hibur	90
3.4.4	Bahagian D: Sikap Guru Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur.....	91
3.5	Kajian Rintis	92
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen.....	93
3.7	Kesahan Instrumen.....	96
3.8	Prosedur Pengumpulan Data.....	96
3.8.1	Prosedur Sebelum Kajian	97
3.8.2	Prosedur Semasa Kajian	98
3.9	Kaedah Analisis Data dan Interpretasi	100
3.9.1	Analisis Inferensi.....	102
3.10	Penganalisaan Data Statistik	103
3.10.1	Ujian T.....	103
3.10.2	Korelasi Pearson.....	104
3.11	Pengujian Hipotesis	105
3.12	Carta Aliran Metodologi Kajian	107
3.13	Rumusan	108
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		109
4.1	Pengenalan	109
4.2	Maklumat Demografi dan Latar Belakang Responden.....	109
4.3	Analisis Deskriptif	115

4.3.1	Persoalan Kajian 1: Tahap Pengetahuan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah Di Pulau Pinang.....	115
4.3.2	Persoalan Kajian 2: Tahap Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah Di Pulau Pinang.....	122
4.3.3	Persoalan Kajian 3: Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah Di Pulau Pinang.....	126
4.4	Analisis Inferensi	131
4.4.1	Perbezaan Tahap Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Jantina.	131
4.4.2	Perbezaan Tahap Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Jantina.	132
4.4.3	Perbezaan Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Jantina.	133
4.4.4	Perbezaan Tahap Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Pengalaman Mengajar.....	135
4.4.5	Perbezaan Tahap Kemahiran Melaksanakan Tentang Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Pengalaman Mengajar.....	140
4.4.6	Perbezaan Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Pengalaman Mengajar.....	146
4.4.7	Perbezaan Tahap Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Opsyen.....	152
4.4.8	Perbezaan Tahap Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Opsyen	153
4.4.9	Perbezaan Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Opsyen	154
4.4.10	Perbezaan Tahap Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Kekerapan Menggunakan Didik Hibur.	155
4.4.11	Perbezaan Tahap Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Kekerapan Menggunakan Didik	

	Hibur.....	160
4.4.12	Perbezaan Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Kekerapan Menggunakan Didik Hibur.....	165
4.4.13	Hubungan Antara Pengetahuan Dengan Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah Di Pulau Pinang.	170
4.4.14	Hubungan Antara Kemahiran Melaksanakan Dengan Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	170
4.4.15	Hubungan Antara Pengetahuan Dengan Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah Di Pulau Pinang	172
4.5	Kesimpulan	172
	BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	173
5.1	Pengenalan	173
5.2	Perbincangan Persoalan Kajian.....	173
5.2.1	Persoalan Kajian 1: Apakah Tahap Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	173
5.2.2	Persoalan Kajian 2: Apakah Tahap Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah Di Pulau Pinang.	175
5.2.3	Persoalan Kajian 3: Apakah Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.	176
5.3	Perbincangan Hipotesis Kajian (Persoalan Kajian 4 -6)	178
5.3.1	Hipotesis 1: Tiada Perbezaan Yang Signifikan Antara Jantina dengan Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	178
5.3.2	Hipotesis 2: Tiada Perbezaan Yang Signifikan Antara Jantina dengan Kemahiran Melaksanakan Pendekatan	

	Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	179
5.3.3	Hipotesis 3: Tiada Perbezaan Yang Signifikan Antara Jantina dengan Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	181
5.3.4	Hipotesis 4: Tiada Perbezaan Yang Signifikan Antara Pengalaman Mengajar dengan Pengetahuan tentang Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	182
5.3.5	Hipotesis 5: Tiada Perbezaan Yang Signifikan Antara Pengalaman Mengajar dengan Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	183
5.3.6	Hipotesis 6: Tiada Perbezaan Yang signifikan Antara Pengalaman Mengajar dengan Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	184
5.3.7	Hipotesis 7: Tiada Perbezaan Yang Signifikan Antara Opsyen dengan Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	185
5.3.8	Hipotesis 8: Tiada Perbezaan Yang Signifikan Antara Opsyen dengan Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	186
5.3.9	Hipotesis 9: Tiada Perbezaan Yang Signifikan antara Opsyen dengan Sikap terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	187
5.3.10	Hipotesis 10: Tiada Perbezaan Yang Signifikan antara Kekerapan menggunakan Didik Hibur dengan Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.....	188
5.3.11	Hipotesis 11: Tiada Perbezaan Yang Signifikan Antara Kekerapan menggunakan Didik Hibur dengan Kemahiran	

	Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.	189
5.3.12	Hipotesis 12: Tiada Perbezaan Yang Signifikan Antara Kekerapan menggunakan Didik Hibur dengan Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur dalam kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.	189
5.3.13	Hipotesis 13: Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Pengetahuan tentang Pendekatan Didik Hibur Dengan Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.	190
5.3.14	Hipotesis 14: Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Kemahiran Melaksanakan Dengan Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.	191
5.3.15	Hipotesis 15: Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Pengetahuan Dengan Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah di Pulau Pinang.	192
5.4	Rumusan Dapatan Kajian	193
5.5	Implikasi Kajian.....	198
5.6	Cadangan.....	200
5.7	Kesimpulan	201
	RUJUKAN	203
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Skala Pemeringkatan Likert Bahagian B 90
Jadual 3.2	Skala Pemeringkatan Likert Bahagian C.....91
Jadual 3.3	Skala Pemeringkatan Likert Bahagian D.....92
Jadual 3.4	Nilai Cronbach's Alpha Bahagian B - Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur 94
Jadual 3.5	Nilai Cronbach's Alpha Bahagian C - Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur 94
Jadual 3.6	Nilai Cronbach's Alpha Bahagian D - Sikap Terhadap Pendekatan Didik Hibur 94
Jadual 3.7	Keputusan Indeks Kesahan Kandungan (i-CVI) 96
Jadual 3.8	Jadual Interpretasi Skor Min.....102
Jadual 3.9	Kaedah - kaedah Analisis Data103
Jadual 3.10	Kekuatan Hubungan Pekali Korelasi Pearson 104
Jadual 3.11	Pengujian Hipotesis Hubungan Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap 105
Jadual 3.11	(Sambungan) Pengujian Hipotesis Hubungan Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap..... 106
Jadual 4.1	Latar Belakang Demografi 110
Jadual 4.2	Kelas Pemulihan Yang Diajar.....113
Jadual 4.3	Kekerapan Menggunakan Didik Hibur Dalam Seminggu.....114
Jadual 4.4	Statistik Deskriptif Tahap Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur..... 116
Jadual 4.5	Analisis Deskriptif Taburan Skor, Min, Kekerapan dan Peratusan, Sisihan Piawai bagi Tahap Pengetahuan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan..... 118
Jadual 4.6	Statistik Deskriptif Tahap Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur 122

Jadual 4.7	Analisis Deskriptif Taburan Skor, Min, Kekerapan dan Peratusan, Sisihan Piawai bagi Tahap Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan.....	124
Jadual 4.8	Statistik Deskriptif Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur	127
Jadual 4.9	Analisis Deskriptif Taburan Skor, Min, Kekerapan dan Peratusan, Sisihan Piawai bagi Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan	128
Jadual 4.10	Perbezaan Antara Faktor Jantina dengan Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur berdasarkan Ujian T Dua Sampel Bebas	131
Jadual 4.11	Perbezaan Antara Faktor Jantina dengan Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur berdasarkan Ujian T Dua Sampel Bebas.....	132
Jadual 4.12	Perbezaan Antara Faktor Jantina dengan Sikap Menggunakan Ujian T- Test of Homogeneity of Variances	134
Jadual 4.13	Perbezaan Antara Faktor Jantina dengan Sikap Terhadap Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Ujian T Dua Sampel Bebas	134
Jadual 4.14	Taburan Tahap Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur dengan Pengalaman Mengajar	135
Jadual 4.15	Test of Homogeneity of Variances (Pengetahuan).....	135
Jadual 4.16	Ujian ANOVA Tahap Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur berdasarkan Pengalaman Mengajar.....	136
Jadual 4.17	Keputusan Ujian Post Hoc Turkey HSD Tahap Pengetahuan Terhadap Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Pengalaman Mengajar	139
Jadual 4.18	Taburan Tahap Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur dengan Pengalaman Mengajar	140
Jadual 4.19	Test of Homogeneity of Variances (Kemahiran)	141
Jadual 4.20	Ujian ANOVA Tahap Kemahiran Melaksanakan Tentang Pendekatan Didik Hibur berdasarkan Pengalaman Mengajar	142
Jadual 4.21	Keputusan Ujian Post Hoc Turkey HSD Tahap Kemahiran Melaksanakan Terhadap Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Pengalaman Mengajar	145

Jadual 4.22	Taburan Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur dengan Pengalaman Mengajar	147
Jadual 4.23	Test of Homogeneity of Variances (Sikap)	147
Jadual 4.24	Ujian ANOVA Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur berdasarkan Pengalaman Mengajar	148
Jadual 4.25	Keputusan Ujian Post Hoc Turkey HSD Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Pengalaman Mengajar	150
Jadual 4.26	Hasil Analisis Ujian T Dua Sampel Bebas (Pengetahuan).....	152
Jadual 4.27	Hasil Analisis Ujian T Dua Sampel Bebas (Kemahiran)	154
Jadual 4.28	Hasil Analisis Ujian T Dua Sampel Bebas (Sikap)	155
Jadual 4.29	Taburan Tahap Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur dengan Kekerapan Menggunakan Didik Hibur.....	156
Jadual 4.30	Test of Homogeneity of Variances (Pengetahuan).....	156
Jadual 4.31	Ujian ANOVA Tahap Pengetahuan Tentang Pendekatan Didik Hibur berdasarkan Kekerapan Menggunakan Didik Hibur	157
Jadual 4.32	Keputusan Ujian Post Hoc Turkey HSD Tahap Pengetahuan Terhadap Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Kekerapan Menggunakan Didik Hibur	159
Jadual 4.33	Taburan Tahap Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur dengan Kekerapan Menggunakan Didik Hibur.....	160
Jadual 4.34	Test of Homogeneity of Variances (Kemahiran)	161
Jadual 4.35	Ujian ANOVA Tahap Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur berdasarkan Kekerapan Menggunakan Didik Hibur	161
Jadual 4.36	Keputusan Ujian Post Hoc Turkey HSD Tahap Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Kekerapan Menggunakan Didik Hibur.....	164
Jadual 4.37	Taburan Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur dengan Kekerapan Menggunakan Didik Hibur.....	165
Jadual 4.38	Test of Homogeneity of Variances (Sikap)	165
Jadual 4.39	Ujian ANOVA Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur berdasarkan Kekerapan Menggunakan Didik Hibur	166

Jadual 4.40	Keputusan Ujian Post Hoc Turkey HSD Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Berdasarkan Pengalaman Mengajar	167
Jadual 4.41	Hubungan Antara Pengetahuan dan Kemahiran Melaksanakan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah.....	170
Jadual 4.42	Hubungan Antara Kemahiran Melaksanakan dan Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah	171
Jadual 4.43	Hubungan Antara Pengetahuan dan Sikap Terhadap Penggunaan Pendekatan Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Pemulihan Sekolah Rendah.....	172

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian..... 35
Rajah 2.1	Kerangka Teori Kajian.....70
Rajah 2.2	Rekabentuk Kajian.....82
Rajah 3.1	Rajah Persampelan Kelompok Mengikut Daerah 85
Rajah 3.2	Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data 99
Rajah 3.3	Metodologi Kajian..... .107

SENARAI SINGKATAN

3M	Membaca Menulis Mengira
AKEPT	Akademi Kempimpinan Pendidikan Tinggi
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPKhas	Bahagian Pendidikan Khas
DH	Didik hibur
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GP	Guru Pemulihan
GPK	Guru Pemulihan Khas
ICT	Teknologi Maklumat dan Informasi
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LINUS	Program Literasi dan Numerasi
PAK21	Pembelajaran Abad Ke 21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPK	Program Pemulihan Khas
PPK	Pengetahuan Pedagogi Kandungan
SK	Sekolah Kebangsaan
SR	Sekolah Rendah

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A	Instrumen Bahagian A - Data Demografi..... 219
Lampiran B	Instrumen Bahagian B - Pengetahuan 222
Lampiran C	Instrumen Bahagian C - Kemahiran Melaksanakan 223
Lampiran D	Instrumen Bahagian D - Sikap 224
Lampiran E	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Mogan 225
Lampiran F	Keputusan Content Validity Index (CVI) 226
Lampiran G	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Sarjana 229
Lampiran H	Surat Kelulusan Bersyarat untuk menjalankan kajian..... 231

**PENGETAHUAN, KEMAHIRAN PELAKSANAAN DAN SIKAP GURU
PEMULIHAN KHAS SEKOLAH RENDAH TERHADAP PENDEKATAN
DIDIK HIBUR DI PULAU PINANG**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meninjau pengetahuan, sikap dan kemahiran pelaksanaan terhadap pendekatan Didik Hibur dalam kalangan guru pemulihan di sekolah rendah di Pulau Pinang. Kajian ini juga untuk melihat hubungan antara faktor demografi (iaitu umur, jantina, opsyen, kelayakan akademik, pengalaman mengajar, kekerapan) dengan elemen pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dikaji dalam pendekatan Didik Hibur. Data kajian ini diperolehi melalui instrumen soal selidik Didik Hibur dengan menggunakan Skala Likert lima mata. Seramai 160 orang responden dari kalangan guru pemulihan sekolah rendah telah dipilih secara rawak berkelompok bagi kajian ini. Data kuantitatif yang terkumpul dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 27.0 digunakan bagi meninjau hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dapatan kajian ini mendapati bahawa guru pemulihan dari sekolah rendah di Pulau Pinang mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana tinggi tentang pendekatan Didik Hibur dengan nilai min $M=3.905$, $SP=0.475$. Manakala tahap kemahiran melaksanakan Didik Hibur ialah nilai min $M=4.06$, $SP=0.579$ dan sikap guru pemulihan terhadap pendekatan Didik Hibur dengan nilai min $M=4.11$, $SP=0.500$ yang menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan kemahiran guru dalam pendekatan Didik Hibur dengan nilai $r=0.666^{**}$, $p=.000$ manakala hubungan antara kemahiran dengan sikap guru terhadap Didik Hibur mempunyai nilai korelasi $r=0.636^{**}$, $p=.000$. Hubungan

ini menunjukkan berada pada tahap yang tinggi dan baik. Berpandukan hasil dapatan tersebut, pengkaji telah memberi beberapa cadangan untuk membantu guru pemulihan sekolah rendah dalam memastikan pendekatan Didik Hibur dapat diterapkan dengan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21).

**KNOWLEDGE, IMPLEMENTATION SKILLS AND ATTITUDES OF
PRIMARY SCHOOL REMEDIAL TEACHERS TOWARD DIDIK HIBUR
APPROACH IN PENANG**

ABSTRACT

This study was conducted to review the knowledge, attitudes and implementation skills of the Didik Hibur Edutainment (Educational Entertainment) approach among remedial teachers in primary schools in Penang. This study is also to see the relationship between demographic factors (ie age, gender, options, academic qualifications, teaching experience, frequency) with elements of knowledge, skills and attitudes studied in the Didik Hibur Edutainment approach. The data of this study was obtained through didik hibur questionnaire instrument using a five-point Likert scale. A total of 160 respondents from elementary school remedial teachers were randomly selected in groups for this study. The quantitative data collected was analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 27.0 to examine the relationship between knowledge, skills and attitudes. The findings of this study found that remedial teachers from primary schools in Penang have a moderately high level of knowledge about the Didik Hibur Edutainment approach with a mean value of $M=3.905$, $SP=0.475$. While the level of skill in performing didik hibur is a mean value of $M=4.06$, $SP=0.579$ and the attitude of the remedial teacher towards the didik hibur edutainment approach with a mean value of $M=4.11$, $SP=0.500$ shows that it is at a high level. Pearson's correlation test shows that there is a significant relationship between the remedial teacher's knowledge and the remedial teacher's skill in the didik hibur edutainment approach with a value of $r=0.666$, $p=.000$ while the relationship between the remedial teachers skill and the remedial teacher's attitude towards didik

hibur has a correlation value of $r = 0.636$, $p = .000$. This relationship shows to be at a high and good level. Based on the findings, the researcher has given some suggestions to help primary school remedial teachers in ensuring that the entertainment education approach can be applied by mastering practices that are based on its use as the main core element in 21st Century Learning.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendekatan Didik Hibur mula diperkenalkan pada tahun 2010, menerusi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Penggunaan pendekatan Didik Hibur ini, turut diserapkan sebagai kaedah alternatif kepada guru – guru pemulihan yang mengajar Pemulihan Bahasa Melayu dan Pemulihan Matematik. Guru pemulihan adalah pemudahcara paling tepat dalam menerapkan penggunaan strategi dan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran yang melibatkan literasi dan numerasi khususnya berkaitan aspek-aspek kebolehan asas dalam 3M iaitu membaca, menulis dan mengira di sekolah rendah. Penggunaan Didik Hibur oleh guru pemulihan sebagai kaedah alternatif terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah akan membantu pemahaman konsep dalam kalangan murid pemulihan dengan lebih cepat.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), memberikan keutamaan dalam aspek mempertingkatkan profesion keguruan dari segi kualiti pengajaran guru di bilik darjah. Secara khususnya, pihak KPM inginkan guru – guru pemulihan sedia tahu dan mahir serta mempunyai pemahaman yang kukuh tentang pelbagai taktik, pendekatan, dan teknik pengajaran terkini. Justeru itu, kualiti pengajaran guru merupakan aspek utama yang dinilai dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2013-2025. Pada dasarnya, profesion keguruan dan sistem pendidikan di sekolah perlu berkembang pesat untuk duduk sama tinggi dengan sistem pendidikan di negara-negara perindustrian maju di dunia. Kementerian Pendidikan Malaysia berharap

pengajaran didik hibur dapat dijamin oleh guru -guru pemulihan di peringkat awal supaya kesan pengajaran guru yang menarik dan menyeronokkan didalam kelas dapat memberi impak yang bermakna terhadap penerimaan murid pemulihan yang keciciran.

Menurut Rathneswaary Derbala dan Ruhizan M. Yassin (2022) menyatakan bahawa guru kini berhadapan dengan cabaran yang hebat dengan pengetahuan dan cara belajar yang berbeza dan ini akan memberi kepada murid. Hal ini kerana, penerimaan murid khas amatlah berbeza terutama murid pemulihan di sekolah. Pentingnya, guru-guru perlu menguasai kemahiran dan sentiasa mengikut rapat dalam perkembangan asas dan masalah utama dalam pendidikan, berkemahiran tinggi dalam menguasai kaedah pengajaran, kreatif dalam kualiti yang baik untuk menjamin keberkesanan kemenjadian murid (Akar , 2020). Oleh itu, guru Pemulihan Khas, perlu menguasai kemahiran yang berbeza dari segi membaca, menulis dan mengira. Sehubungan dengan itu, penguasaan dalam pengetahuan tentang menarik minat murid tersebut perlu dibimbing agar mereka mampu menjalani proses pembelajaran yang kondusif dan bermakna dalam bilik darjah (Shaffeei et al., 2019).

Menurut Chiriacescu et. al. (2023), sikap guru merupakan faktor yang mempengaruhi minat guru dalam gaya pengajaran mereka. Sikap guru dipengaruhi cara dan kaedah yang dilakukan oleh guru dalam menyediakan pembelajaran murid (Zacharia, 2003). Guru yang mempunyai sikap yang positif dan motivasi tinggi dapat mempengaruhi murid untuk belajar dalam mana-mana mata pelajaran atau tingkah laku mereka (Korur, Vargas, & Serrano, 2016). Hasil dapatan kajian Zamri Mahmood (2014) mendapati sukar bagi guru cemerlang bagi sesuatu mata pelajaran seandainya guru masih menggunakan kaedah pengajaran tradisional tanpa mengetahui keupayaan murid berfikir.

Menurut Jouse et al. (2024) menjelaskan bahawa kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh semua murid. Tanpa penguasaan kemahiran 3M sukar bagi murid yang lemah mengikuti dan fokus dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas berbanding dengan murid yang telah menguasai kemahiran 3M. Oleh itu, menjadi satu keperluan untuk guru Pemulihan Khas untuk menjadi guru yang berkesan dalam membantu murid menguasai kemahiran 3M. Hal ini juga dijelaskan dalam kajian

Sikap guru dalam membimbing dan mengendalikan aktiviti pembelajaran merupakan perkara penting yang menjadi asas kepada motivasi murid pemulihan. Selain itu, gabungan pendekatan pembelajaran ini juga boleh mempengaruhi motivasi dan minat pelajar (Mohd Ridzuan Padzil, 2020). Murid akan menunjukkan sikap yang positif dan penglibatan aktif (Suci Utami & Yuyu, 2021) dalam pelaksanaan pendekatan ini. Zarien Nurlieyana Aminuddin et al (2021) menjelaskan, motivasi belajar akan terhasil daripada pendekatan pembelajaran antara guru dan murid secara dua hala. Hal ini disokong kajian Mohammed. W.A.M (2021) tentang tahap aliran psikologi menunjukkan terdapat peningkatan dalam sikap dan motivasi pelajar selepas menggunakan kaedah gabungan ini.

Dalam kajian ini, pengkaji memberikan analisa yang menyeluruh terhadap pelaksanaan didik hibur dengan lebih khusus , merangkumi pelbagai aspek seperti latar belakang kajian, kerangka teori, pernyataan masalah kajian, tujuan umum, tujuan khusus, objektif kajian, hipotesis kajian, definisi kajian, definisi konsep, definisi operasional, batasan kajian, dapatan yang signifikan, dan rumusan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Pemulihan ialah tindakan-tindakan pendidikan khas yang digunakan untuk memenuhi keperluan-keperluan kanak-kanak yang menghadapi kesulitan pembelajaran, kanak-kanak pemulihan menghadiri kelas khas dalam sekolah biasa, atau pusat pemulihan khas secara sambilan, atau menyertai kumpulan yang diundurkan dari kelas biasa untuk diajar oleh seorang guru pemulihan.

Menurut Pengarah Bahagian Pendidikan Khas Shazali Ahmad (2019) dalam Dokumen Standard Kurikulum Pembelajaran (DSKP) menegaskan bahawa pengajaran dan pembelajaran Pemulihan khas berupaya membimbing dan memberi peluang kepada murid pemulihan seiring dengan rakan lain di arus perdana. Panduan guru mengajar dan bahan yang digunakan perlulah ditahap yang memberangsangkan kebolehan setiap murid dalam pengetahuan dan kemahiran yang berbeza. Penguasaan kemahiran asas membaca, menulis, mengira (3M) perlu dikuasai pada peringkat awal bagi membolehkan murid-murid berkomunikasi dan menimba ilmu pengetahuan. Menurut Suhaimee Sulaiman (2019) menyatakan bahawa garis panduan yang dicadangkan dan ditetapkan oleh KPM sebagai perintis untuk memperbaiki kualiti pengajaran dan pembelajaran guru disamping mengendalikan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Hal ini bertepatan dengan matlamat guru pemulihan khas untuk memastikan kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira) direalisasikan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (2008) menjelaskan bahawa murid yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran asas 3M disebabkan oleh faktor persekitaran di sekolah. Secara rasionalnya, sekolah

berkeperluan khas perlu menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang kondusif kepada guru untuk menjalankan pengajaran secara berkesan. Seterusnya Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006–2010 yang bertujuan memperkasakan Sekolah Kebangsaan dan merapatkan jurang pendidikan, juga memberi penekanan kepada pembasmian masalah 3M. Sehubungan itu beberapa pelan tindakan dirancang untuk memastikan murid-murid dapat menguasai kemahiran asas 3M pada tahap 1.

Selaras dengan hasrat itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga pada waktu yang sama telah menyuntik semangat baru kepada Program Pemulihan Khas dengan menaik taraf kelas pemulihan bukan sahaja dari aspek prasarana, juga dari segi kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan menyediakan guru pemulihan khas terlatih yang mencukupi termasuk di Sekolah Kurang Murid (SKM). Guru Pemulihan merupakan individu yang terlatih di institut yang menyediakan kursus-kursus pendidikan pemulihan. Misalnya, universiti, institut perguruan dan institut pendidikan guru sama ada dalam negara atau luar negara. Hasilnya guru pemulihan mempunyai kepakaran yang khusus bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid yang lemah dalam penguasaan kemahiran asas 3M.

Penggunaan pendekatan Didik Hibur di kelas pemulihan selari dengan garis panduan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kurikulum KSSR ini, diperkenalkan sebagai suatu langkah bersepadu untuk memodenkan sistem pendidikan Malaysia kearah meningkatkan pengajaran guru dan keberkesanan pembelajaran murid di sekolah rendah dengan menyepadukan banyak mata pelajaran. Disamping itu, kurikulum ini memupuk penglibatan aktif, keseronokan belajar dan penggabungjalinan. Fokus utama

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) adalah menggabungkan tiga kemahiran teras murid iaitu membaca, menulis, dan mengira dengan penaaakulan, kreativiti, inovasi, dan teknologi maklumat dan komunikasi. Hal ini, selari dengan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan penggunaan pelbagai pendekatan pengajaran oleh tenaga pengajar khususnya guru pemulihan yang dapat memupuk integrasi, aplikasi, penilaian dan pengayaan dan pengukuhan dalam kalangan murid-murid mereka.

Justeru, pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga menekankan amalan pedagogi terkini di dalam bilik darjah, supaya dapat diaplikasikan oleh tenaga pengajar yang mahir. Menerusi PAK21, Kementerian Pendidikan Malaysia meletakkan keutamaan dalam aspek standard kompetensi guru dari segi kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran 3M (membaca, mengira dan menulis) termasuk literasi teknologi, pembelajaran kolaboratif, penggunaan berasaskan projek, pendekatan pembelajaran, dan berasaskan maklumat dan Kemahiran Berfikir Lanjutan (KBAT) dalam Teknologi Komunikasi (ICT).

Ini bermakna guru pemulihan perlu berpengetahuan dan berkemahiran dalam merancang kaedah dan strategi PdP dengan menggunakan pelbagai pedagogi pendidikan supaya dapat memaksimumkan keberhasilan murid pemulihan dalam menguasai kemahiran 3M dengan cepat. Perkara ini dibuktikan dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa murid akan dapat belajar dengan baik sekiranya guru mempelbagaikan strategi mengajar dan guru memastikan murid berminat melibatkan diri dengan apa-apa yang guru lakukan (Ammar Fadzil, 2009), termasuk guru

menyediakan murid dengan peluang untuk belajar dengan keseronokan tanpa kekangan masa yang ditetapkan.

Menurut buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, Program Pemulihan Khas (2019), yang diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan Khas (BPK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pendekatan Didik Hibur merupakan strategi pedagogi yang disyorkan yang harus digunakan oleh guru pemulihan di dalam bilik darjah. Pendekatan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif dan menyeronokkan untuk pelajar secara sistematik. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus membina dan menambah baik program pemulihan dari masa ke semasa agar murid pemulihan dapat memanfaatkan infrastruktur pendidikan negara yang semakin pesat membangun (KPM, 2013)

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kelas pemulihan adalah bergantung kepada kecekapan dan kebolehan guru pemulihan dalam memilih pendekatan pedagogi yang sesuai dengan aras kefahaman akademik muridnya. Aminuddin Ahmad (2017) dalam kajiannya, pendekatan Didik Hibur boleh meningkatkan sifat kolaboratif semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah, dengan memberi penekanan khusus kepada aktiviti berpusatkan pelajar. Menurutnya, penggunaan Didik Hibur memudahkan pelajar cepat memahami arahan guru semasa pengajaran di bilik darjah. Seorang guru yang berkesan, adalah juga seorang pendidik yang berpengetahuan dalam hal-hal mengajar dalam bilik darjah (Abd. Rahim & Abdul Rashid, 2000).

Menurut Mohd Razak Mohd Nordin (2015), pendekatan Didik Hibur boleh diaplikasikan dengan baik dan berkesan sekiranya guru di kelas sudah biasa dengan

sejarah pembelajaran permasalahan muridnya. Guru – guru yang mengajar di kelas boleh menyelesaikan kesukaran khusus murid -murid dengan menyesuaikan strategi pedagogi dalam usaha cara menarik minat murid mereka untuk belajar. Seorang guru yang mengutamakan integrasi teknik pengajaran yang menyeronokkan, seperti pendekatan Didik Hibur, akan memupuk rasa puas hati dalam kalangan pelajar dan memupuk jangkaan mereka untuk sesi pembelajaran seterusnya (Bolling, 2008; Ramlah Jantan, 2013).

Pendekatan Didik Hibur merupakan satu elemen penambahbaikan kepada strategi pengajaran guru -guru terkini dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang interaktif. Dalam konteks pemulihan, jika murid pemulihan yakin bahawa guru pemulihan di kelas akan membantu dan membimbing mereka, maka mereka akan lebih menerima dengan mudah pengajaran dan pembelajaran menyeronokkan dari guru. Pendekatan yang santai, menarik dan menyeronokkan amat berfungsi untuk meningkatkan kefahaman dan memberi inspirasi kepada murid pemulihan untuk terus berminat mengikuti pembelajaran.

Justeru, bagi mencapai visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah dirancang, tugas ini perlulah digalas oleh semua guru pemulihan semasa pengajaran di kelas. Pendekatan Didik Hibur perlu dilaksanakan dengan berkesan oleh guru pemulihan di sekolah di bilik darjah. Kesimpulannya, sekiranya guru pemulihan yang kurang menguasai kaedah pedagogi dalam pengajaran adalah dilihat sebagai faktor penyumbang kepada kemerosotan pencapaian murid pemulihan yang keciciran. Pencapaian objektif utama yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 nampaknya tidak dapat dicapai dengan adanya kejadian kemerosotan pelajar yang berterusan dalam kategori 3M.

1.2.1 Elemen Nyanyian Dalam Didik Hibur

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007), nyanyian disifatkan sebagai sejenis ekspresi muzik yang dilaksanakan melalui penggunaan suara. Kamarudin Husin (1999) nyanyian sebagai fitrah kewujudan manusia yang boleh digunakan sebagai latihan lisan yang menyeronokkan di dalam bilik darjah. Nyanyian adalah aktiviti yang sangat dicadangkan dalam pendekatan Didik Hibur kerana aktiviti nyanyian boleh memupuk pertumbuhan seni dan kekuatan mental. Sebagai contoh, aktiviti latihan nyanyian yang disusun secara sistematik berpotensi secara signifikan menyumbang kepada perkembangan holistik murid, ianya merangkumi domain kognitif, afektif, interpersonal dan fizikal. Melalui nyanyian, murid boleh menunjukkan kemahiran pemahaman tentang seni lirik lagu melalui persembahan nyanyian mereka, dan aktiviti membaca lirik lagu dengan sebutan jelas ditekankan.

Elemen latihan nyanyian dalam pengajaran Didik Hibur memberikan pelbagai kelebihan bukan sahaja proses pembelajarannya yang menarik tetapi juga memberi pengalaman baru kepada murid pemulihan terlibat dengan kaedah perbendaharaan kosa kata dan pemerolehan bahasa. Elemen nyanyian boleh menimbulkan pelbagai perubahan dalam aktiviti yang biasa kepada luar biasa ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah berlangsung. Penglibatan murid dalam aktiviti nyanyian berpotensi meningkatkan tahap motivasi kerana penyertaan mereka merupakan penglibatan individu yang menyeluruh. Selain itu, aktiviti nyanyian memberi peluang kepada murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran, dan aktiviti ini melibatkan keseluruhan bilik darjah. Aktiviti nyanyian dapat meningkatkan pengekalan bahasa murid dengan lebih berkesan berbanding aktiviti alternatif. Proses kognitif irama, irama, dan melodi mempunyai kapasiti untuk menanam perkataan dengan cekap di dalam otak manusia. Penggunaan lagu dalam

suasana pendidikan memudahkan pemerolehan kosa kata, sebutan, intonasi, rima dan pola tekanan, struktur ayat, dan bentuk tatabahasa dalam kalangan pelajar. Nyanyian menawarkan sokongan yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran pemahaman bahasa.

Prinsip terpenting dalam elemen nyanyian ialah guru pemulihan perlu mengelakkan memilih lagu yang tidak mempunyai susunan kata yang betul dan salah dari segi tatabahasa. Pemilihan lagu dalam elemen nyanyian tidak seharusnya mengandungi bahasa pasar, kuno atau dialek negeri tertentu. Pilihlah lagu dari senikata dari lagu-lagu yang mengandungi bahasa yang standard (bahasa baku) dan digunapakai sehari-harian. Sebaiknya, guru memilih lagu yang mempunyai melodi yang senang dipelajari dan diingati. Sebaik-baiknya murid sudah mampu melagukan melodinya sebelum mempelajari lirik lagu tersebut. Lagu yang dipilih mempunyai kelajuan yang sederhana, iaitu tidak terlalu lambat dan tidak terlalu cepat. Lagu yang melodinya biasa didengar serta mudah dan senang diingat perlulah diberikan keutamaan. Pilih lagu yang mempunyai banyak pengulangan seperti pengulangan melodi, perkataan dan sebagainya. Pengulangan memudahkan murid menguasai bahasa yang hendak dipelajari. Ini kerana pembelajaran bukan sahaja berlaku melalui penyampaian yang baik tetapi juga melalui pengulangan bahan pembelajaran. Sebaik-baiknya lagu yang dipilih itu hendaklah mengandungi cerita. Seperti kisah seseorang yang menceritakan sesuatu perasaan, pandangan atau pendapat. Bagi murid-murid yang berada ditahap rendah, lagu yang dipilih perlu mengandungi perbendaharaan kata yang terhad. Elakkan juga memilih seni kata lagu yang ada ayat yang pelbagai jenis kerana boleh mengganggu pembelajaran.

Elemen nyanyian dalam Didik Hibur merupakan pendekatan pedagogi pembelajaran yang berfungsi sebagai satu cara untuk mendedahkan pelajar kepada

keadaan dan pandangan baru, sekali gus memudahkan penguasaan bahasa mereka. Persembahan nyanyian yang menyeronokkan memberikan keseluruhan kelas berasa santai sambil menyampaikan ilmu yang berharga kepada murid. Oleh kerana nyanyian adalah aktiviti penyertaan dari murid, ianya pasti meningkatkan semangat murid dan mengekalkan minat mereka. Aktiviti nyanyian di dalam kelas adalah pendekatan yang menyeronokkan dan berkesan untuk menarik minat murid untuk melibatkan diri dalam bahan yang diajar. Menyanyi lagu dalam bahasa sasaran mungkin merupakan bantuan ingatan yang berkesan untuk kanak-kanak. Melodi, irama, atau kedua-duanya boleh membantu otak menyimpan perbendaharaan kata baharu secara kekal. Perbendaharaan kata, intonasi, rima, penekanan, dan aspek lain dalam struktur dan bentuk ayat semuanya boleh diajar melalui lagu. Seorang guru yang menggabungkan nyanyian ke dalam aktiviti pengajarannya akan membuatkan muridnya akan gembira untuk turut serta bersama. Menyanyi adalah cara terbaik untuk menggalakkan pembelajaran dan pertumbuhan bahasa.

Aktiviti nyanyian dalam Didik Hibur mesti berpegang pada lagu yang menggunakan susunan perkataan dan tatabahasa yang betul. Senikata lirik lagu tidak harus memasukkan mana-mana bahasa pasar, mahupun mana-mana dialek negeri atau serantau yang tersendiri. Lirik yang dipilih hendaklah daripada lagu yang menggunakan bahasa seharian yang mudah. Guru pemulihan perlu pilih lagu dengan lagu yang menarik yang mudah dihafal. Adalah penting bagi murid pemulihan untuk dapat menyanyikan lagu tersebut sebelum mereka mempelajari perkataan tersebut. Muzik yang dipilih mempunyai tempo sederhana yang baik. Penting untuk mengutamakan lagu dengan melodi yang tidak dapat dilupakan. Guru pemulihan perlu mencari lagu dengan banyak unsur berulang (melodi, lirik, dan sebagainya). Murid pemulihan akan mendapat banyak manfaat daripada pendedahan berulang kepada

bahasa sasaran dalam nyanyian. Ini disebabkan oleh fakta bahawa pengetahuan dikekalkan bukan sahaja melalui pembentangan yang berkesan tetapi juga melalui latihan tubi dan latihan. Pilihan muzik yang dipilih harus bersesuaian dalam menceritakan sebuah kisah yang dekat dengan murid pemulihan. Ianya seperti cerita seseorang yang mengaitkan emosi, sudut pandangan atau pertimbangan. Lagu yang dipilih untuk murid di peringkat rendah hendaklah menggunakan perkataan yang mudah. Selain itu, jika ingin mengelakkan gangguan semasa belajar, jangan dengar lagu dengan banyak struktur ayat yang berbeza dalam lirik.

Semasa menjalankan prosedur pra persediaan menjalankan nyanyian. Pada peringkat ini, adalah penting bagi guru untuk membuat pemilihan yang bijak dan memastikan jenis lagu dan muzik yang sesuai yang selaras dengan kebolehan pelajar dan selaras dengan matlamat pengajaran. Pertamanya, tentukan tahap kesusahannya, Panjang pendek bahan, kekerapan mengulang perkataan dan aspek bahasa yang hendak ditekankan. Seterusnya apakah tindakan susulan, bahan bantu mengajar yang diperlukan dan langkah-langkah seterusnya yang perlu diambil, Jika difikirkan perlu, guru membuat pengubahsuaian atau semakan pada lirik lagu yang difikirkan sesuai, maka guru boleh mengubah senikata lagu mengikut kesesuaian. Dalam penyampaian lagu, guru boleh memilih untuk menggunakan kad imbasan perkataan sebagai alat pedagogi, di mana pelajar diminta untuk memastikan maksud atau membina ayat mudah dari perkataan yang diberikan. Seterusnya, guru mengedarkan senikata lagu yang hendak disampaikan dan meminta murid membaca dan mengenal pasti beberapa perkataan yang susah.

Semasa berlangsungnya sesi pengajaran, pada masa yang sama, guru pemulihan boleh menggunakan muzik secara aktif dalam persepsi pendengaran bersama murid. Guru pemulihan boleh libatkan diri dalam aktiviti latihan tubi secara

sistematik gubahan melodi dengan membaca setiap rangkap individu secara berturut-turut, sehingga keseluruhan petikan teks terpaku pada ingatan. Beberapa perkara yang perlu dititik beratkan semasa pengajaran ini berlangsung ialah guru mengutamakan pemerhatian terhadap kemahiran sebutan murid. Seterusnya ialah guru memastikan sebutan yang tepat bagi setiap perkataan di dalam lagu. Oleh itu, setelah aktiviti nyanyian telah dilakukan pada beberapa kali, guru akhirnya dapat menyampaikan arahan tentang ciri linguistik tertentu yang akan diajar. Panduan pengajaran ini bertujuan untuk menjelaskan dan memudahkan pemerolehan kemahiran dalam bentuk ayat, juga dikenali sebagai struktur ayat. Gunakan alat bantu visual, seperti foto, untuk menjelaskan maksud yang dimaksudkan atau menggunakan isyarat bukan lisan, seperti bahasa badan, untuk menyatakan mesej yang dimaksudkan dengan jelas dan tepat. Sebagai kesimpulan, pendidik terlibat dalam aktiviti muzik dengan menyanyikan lagu bersama kanak-kanak.

Untuk meningkatkan hasil pembelajaran, guru boleh menilai pelajar menggunakan penilaian bertulis yang memfokuskan kepada komponen bahasa yang diajar sebelum ini. Dalam konteks pemulihan, murid ditugaskan untuk menghasilkan dialog asas atau pernyataan ringkas yang mempamerkan kebolehan kreatif mereka. Tugas ini tertumpu pada penggunaan perkataan tertentu yang telah dikenali dalam lirik lagu. Pengajar yang pakar dalam pendidikan pemulihan boleh mengarahkan murid untuk menggambarkan imej yang digambarkan dalam lagu tersebut dengan menggunakan lakaran pensel yang tidak berwarna pada sekeping kertas standard bersaiz A4.

1.2.2 Elemen Bercerita Dalam Didik Hibur

Bercerita ditakrifkan sebagai "berbual" atau "bercakap" dalam Kamus Dewan Bahasa (2000). Bercerita merupakan salah satu aktiviti lisan yang paling ketara, ia juga memerlukan satu set kemahiran, seperti yang ditakrifkan oleh Kamarudin Husin (1999). Kanak-kanak secara semulajadi suka mendengar cerita, menjadikan bercerita sebagai cara terbaik untuk mendidik murid tentang bahasa. Kebanyakan ibubapa sering menggunakan strategi ini semasa mengajar anak-anak mereka. Murid pemulihan akan menumpukan perhatian apabila sesuatu pengajaran disampaikan secara ringan melalui penggunaan teknik bercerita yang menarik.

Guru pemulihan yang menggunakan kaedah bercerita, perlu menggunakan perkataan yang betul, bercakap dengan cara yang betul, membuat mimik muka yang betul, dan menggunakan intonasi nada yang betul untuk mengekalkan perhatian murid mereka. Penggunaan bahasa yang tepat dan menarik semasa bercerita menunjukkan ianya mempunyai ciri-ciri seorang guru yang berkesan. Sebagai contoh, semasa menceritakan sesebuah kisah, adalah penting untuk guru memberi perhatian kepada semua ciri bahasa pertuturan, terutamanya yang berlaku dalam perbualan semula jadi. Kreativiti murid pemulihan mungkin berkembang apabila mereka mendengar cerita yang bagus. Imajinasi dan kreativiti murid akan berkembang hasil daripada usaha dari penceritaan guru tersebut. Murid – murid pemulihan yang mendengar, boleh menyertai dunia cerita dan menggambarkan seolah-olah mereka berada di sana ketika guru tersebut aktif dalam aktiviti bercerita. Menerusi penyampaian bercerita dari guru, murid pemulihan boleh menggambarkan secara imajinasi yang mereka berubah untuk menjadi segala-galanya, contohnya daripada seorang angkasawan dan gergasi kepada makhluk halus dan haiwan dan lain lain. Elemen penceritaan guru dapat mengajar murid pemulihan untuk berempati melalui bercerita. Sebagai contoh, peristiwa emosi,

seperti kemenangan, kebahagiaan, atau tragedi protagonis, adalah perkara biasa dalam fiksi. Tetapi ini sesuai untuk murid dan berpotensi untuk mengubah bilik darjah sepenuhnya dengan membuat mereka turut serta dalam topik dan inti cerita.

Bercerita dapat menyuburkan akal dan kecerdasan otak. Semasa cerita disampaikan oleh guru, murid lazimnya akan menunjukkan rasa minat, hairan, geram dan perasaan ingin tahu. Murid-murid digalakkan bertanya atau menyoal, dibenarkan memberi komen atau pandangan terhadap peristiwa, sifat serta perilaku watak-watak dalam cerita tersebut. Aktiviti-aktiviti seperti ini membantu mengasah akal dan mempertingkatkan kecerdasan otak murid. Bercerita menggalakkan perkembangan bahasa. Ketika bercerita mereka akan menambah perbendaharaan kata dan memperlihatkan pelbagai ragam gaya dan bentuk bahasa kepada murid-murid. Bercerita merupakan asas untuk pendidikan agama. Ada sebahagian cerita mengandungi unsur-unsur agama yang mempunyai pelajaran dan unsur pendidikan yang berharga seperti moral dan akhlak, tingkah laku dan sikap yang baik untuk disampaikan kepada murid-murid. Bercerita menjadi asas kepada panduan hidup. Cerita yang disampaikan dengan cara yang menarik dan memikat hati biasanya akan lebih berfaedah kerana sedikit sebanyak ia dapat membentuk jiwa murid secara sihat. Cerita Si Tenggong umpamanya, mempunyai beberapa falsafah yang tinggi di sebaliknya cerita itu. Kisah-kisah yang dipaparkan di dalamnya memberi kesedaran yang amat mendalam. Implikasi cerita itu begitu berpengaruh dan sentiasa kekal dalam ingatan murid. Pengajaran yang diperoleh daripada cerita itu juga boleh dijadikan panduan hidup mereka.

Antara prinsip dalam aktiviti bercerita adalah isi cerita yang hendak digunakan perlu mempunyai tema yang sesuai. Ini bermakna, isi cerita itu tidak boleh

mengabaikan objektif yang bersifat mendidik dan bertemakan asuhan yang baik. Ceritanya mesti mengandungi isi yang sesuai dengan aras kefahaman murid-murid, terutama dari segi kematangan berbahasa, umur, latar belakang, minat, kecerdasan otak dan pengalaman mereka. Guru perlu menggunakan bahasa yang paling sesuai dengan tahap murid. Ini bermaksud gaya bahasa guru perlu mengandungi perkataan atau rangkai kata yang tepat, sesuai dan berkesan. Pengucapan cerita oleh guru itu harus dilakukan dengan jelas, ringkas dan tidak mengelirukan. Perkataan dan rangkai kata yang mengandungi beberapa pengertian harus juga dielakkan. Plot cerita dan penyampaian perlu menarik. Jalan ceritanya tersusun dan ada kesudahan cerita. Semasa menyampaikan cerita tersebut, guru perlu menggunakan pelbagai gaya yang pelbagai dan menarik seperti gaya isyarat, pergerakan, pertanyaan, menggunakan cakap ajuk, melakonkan peristiwa peristiwa tertentu dan sebagainya. Penglibatan murid hendaklah menyeluruh dan maksimum. Guru harus bijak dan pandai mengaitkan jalan cerita dengan intelek, emosi dan kadangkala fizikal murid-murid semasa sesi bercerita. Semua aktiviti ini boleh diikuti dengan pelbagai gerak kerja lanjutan yang dirasakan.

Semasa prosedur dalam bercerita, pada bahagian permulaan cerita. Bahagian ini menumpukan kepada keupayaan murid yang mengambil bahagian untuk menarik minat rakan-rakan lain dan kekal hingga ke akhir cerita. Boleh dilaksanakan melalui penggunaan isyarat, mimik muka, gambar, penglibatan murid, media di samping bijak memainkan kata-kata, dan ini mampu menyediakan satu situasi bercerita yang sesuai. Permulaan cerita lebih menarik jika mereka berjaya membawa imaginasi murid-murid lain ke zaman berlakunya cerita dan peristiwa yang disampaikan itu. Dalam masa yang sama, guru berperanan membimbing murid supaya membaca dialog dengan gaya, nada

dan intonasi yang betul. Guru harus menunjukkan kecenderungan untuk membina perhubungan yang baik dengan murid-murid. Kemesraan guru dan murid perlu dibina terlebih dahulu sebelum aktiviti bercerita bermula. Keadaan ini boleh menarik perhatian murid di samping dapat menggalakkan penyertaan mereka dalam aktiviti bercerita yang hendak disampaikan. Dalam pembentukan cerita, bahasa yang digunakan mestilah mudah dan sesuai dengan tahap murid-murid. Ini penting agar maksud cerita dapat difahami sepenuhnya oleh murid-murid. Penggunaan cakap ajuk pada bahagian tertentu cerita mampu menambahkan kesan yang boleh menjadikan pendengar memberi perhatian lebih kepada cerita. Perkataan dan rangkai kata yang kabur perlu dielakkan manakala istilah baru perlu disokong menggunakan gambar, ilustrasi atau sebagainya. Kelancaran pertuturan amat penting untuk memberikan kesan penceritaan di samping membolehkan terhasilnya satu perkembangan cerita yang licin dan berkesan.

Murid yang terlibat sebagai pelakon atau pendengar pula tidak menghadapi sebarang masalah untuk memahami cerita berkenaan. Kepelbagaian suara penting dan boleh dilihat dari segi tekanan tinggi-rendah, nada, intonasi, kelantangan, panjang-pendek, besar dan kecil dan sebagainya. Keadaan suara yang sedemikian hendaklah diwujudkan di tempat yang sesuai dengan peristiwa-peristiwa dalam cerita itu. Umpamanya situasi menyeramkan pada waktu tengah malam, suara pencerita tadi akan bertukar menjadi garau, kasar, seram dan ditambah dengan sedikit hilaian. Jika suara ini benar-benar berkesan, lazimnya murid-murid akan menutup telinga dan mata sebagai refleksi di luar kawalan mereka. Gerak-geri dan mimik muka juga dapat membantu guru atau murid yang sedang bercerita untuk menyampaikan maksud dan kandungan cerita dengan jelas dan bermakna. Situasi ini akan melahirkan satu suasana

bercerita yang menarik dan menghiburkan. Penggunaan bahan rangsangan yang sesuai seperti penggunaan media boleh menarik minat murid-murid terhadap keseluruhan cerita berkenaan. Jika perlu gunakan pelbagai bahan rangsangan supaya mereka tidak cepat jemu dan bosan. Cerita haruslah mengikut urutan, di mana jalan cerita yang perlu didahulukan akan disampaikan di awal cerita dan begitulah sebaliknya. Ini perlu supaya hubungan cerita dengan cerita, lebih konsisten dan menyakinkan pendengar. Semasa menjalankan aktiviti bercerita seorang guru perlu peka kepada tema yang hendak disampaikan. Kefahaman terhadap tema membantu murid mengenal pasti plot cerita, watak-wataknya dan moral cerita dengan tepat dan berkesan. Penglibatan murid perlu menyeluruh dan maksimum iaitu sama ada secara kognitif, psikomotor atau secara lisan dengan memberikan pandangan atau cadangan penambahbaikan kepada rakan-rakan yang mengambil bahagian dalam aktiviti bercerita ini. Akhirnya sebagai penutup, cerita yang disampaikan perlu ada kesudahannya. Dalam bahagian ini, semua masalah dan kerumitan watak dapat diselesaikan. Perkara yang paling penting ialah kesudahan cerita itu dapat memenuhi objektif yang ingin dicapai guru.

1.2.3 Elemen Lakonan Dalam Didik Hibur

Lakonan ditakrifkan sebagai "persembahan drama, drama, dan lain-lain" (Kamus Dewan, 2007). Lakonan adalah melibatkan diri dalam mana-mana dan semua proses fizikal dan mental yang membentuk kewujudan manusia. Salah satu aktiviti kokurikulum yang paling popular dalam kalangan murid ialah lakonan kerana suasana yang santai dan riang di mana ia dilakukan. Watak tertentu melakukan ini untuk mencerminkan dunia sebagaimana adanya atau untuk meniru gaya dan struktur kehidupan seharian dalam komuniti mereka. Murid pemulihan lebih bermotivasi untuk mengambil bahagian jika guru pemulihan merakam persembahan pada video

pengajaran dan memainkannya untuk kelas semula. Dalam lakonan, murid biasanya diberikan peranan di mana mereka digalakkan untuk terlibat dalam perbualan terbuka, membuat dan mempertahankan pandangan mereka sendiri, berinteraksi dengan dan bertindak mengikut rakan sekelas mereka, melibatkan diri dalam aktiviti yang dikongsi, dan sebagainya. Kebolehan komunikasi murid boleh mendapat manfaat daripada latihan lakonan dadakan ini walaupun ia bersifat santai.

Kaedah lakonan dalam pendekatan Didik Hibur bermanfaat dan bermakna kerana ia membantu murid mengembangkan suara, intonasi, nada dan sebutan yang betul. Murid dapat menggunakan bahasa dalam situasi dan konteks tertentu dengan cara yang betul dan melatih murid bertutur menggunakan bahasa yang kemas dan teratur. Di samping itu, murid pemulihan di ajar berkomunikasi secara berkesan dengan orang lain dengan menggalakkan mereka berkongsi harapan, impian dan pandangan mereka. Bercerita dapat menggalakkan rasa komuniti, akauntabiliti dan keupayaan untuk bekerjasama melalui kuasa penceritaan, sambil mengembangkan kemahiran mendengar dan memahami suara hati murid. Ia juga boleh membantu murid pemulihan membangunkan ciri-ciri perwatakan yang kuat seperti keyakinan diri dan ketegasan sambil memadamkan yang negatif seperti pemalu dan perasaan rendah diri. Bercerita melatih murid memahami pelbagai aspek kehidupan menerusi lakonan sebelum mereka menghadapi keadaan sebenar.

Dalam konteks menjalankan aktiviti lakonan, guru perlu mematuhi kriteria dan prinsip yang ditetapkan. Garis panduan ini merangkumi keperluan untuk menyelaraskan aktiviti dengan objektif pengajaran menyeluruh, yang kebanyakannya berkisar pada peningkatan kemahiran dan kapasiti bahasa pelajar. Pemilihan topik yang sesuai untuk lakonan memerlukan pertimbangan keupayaan pengalaman dan kognitif pelajar, serta kebolehlaksanaannya dalam suasana praktikal. Dalam bidang

lakonan, adalah penting untuk menggunakan bahasa yang sesuai dalam dialog, yang dicirikan oleh kesederhanaan, kejelasan, keringkasan dan kefahaman merentas tahap penguasaan pelajar yang pelbagai. Pelaksanaan aktiviti ini adalah disyorkan dalam persekitaran sekolah. Semasa aktiviti lakonan dijalankan, adalah dinasihatkan untuk mengelak daripada memasukkan unsur-unsur lain ke dalam bilik darjah yang memerlukan penggunaan bahan peralatan yang mencabar untuk diangkut. Semua murid diberi kebebasan untuk menggunakan hak dan idea mereka. Bagi mengekalkan kesinambungan kursus lakonan dan mengekalkan semangat dan semangat pelajar dalam bidang lakonan, guru pemulihan harus menangani kesilapan yang dilakukan oleh pelajar pemulihan sehingga selepas persembahan lakonan mereka. Adalah disyorkan bahawa kanak-kanak yang memerlukan sokongan pemulihan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti lakonan untuk memupuk perkembangan holistik bakat intelek, emosi dan fizikal mereka.

Semasa guru pemulihan memulakan sesi permulaan aktiviti lakonan. Pada peringkat ini, guru pemulihan akan memberi penerangan tentang prosedur lakonan yang akan dilaksanakan. Guru pemulihan dan murid membincangkan secara ringkas isi dan jalan cerita, peranan watak dan cara melakonkannya. Selepas itu, guru pemulihan akan memilih murid pemulihan untuk diberikan peranan tertentu. Kemudiannya murid diminta melakonkannya di hadapan rakan-rakan. Pada peringkat ini, sesi berlakon, murid telah mengetahui tugas dan peranan masing-masing. Biarkan mereka melakonkan cerita berkenaan menggunakan bahasa sendiri dan guru hanya memerhati serta Mengenal pasti sebarang kesalahan dan kelebihan yang berlaku. Komen secara membina boleh dibuat selepas sesi lakonan berkenaan tamat. Pada akhirnya, sesi perbincangan diadakan selepas murid pemulihan selesai berlakon. Dalam sesi ini guru pemulihan akan menyatakan beberapa kesalahan yang telah

dilakukan. Perbincangan boleh dijalankan antara guru pemulihan dengan murid, atau murid dengan murid. Perbincangan tidak hanya berfokus kepada kelemahan sahaja tetapi juga kekuatan persembahan berkenaan.

1.2.4 Elemen Puisi Dalam Didik Hibur

Menurut Kamus Dewan (2000), pantun ialah sejenis puisi tradisional yang bercirikan rangkap empat kerat yang menyampaikan petunjuk dan makna. Dalam karyanya yang diterbitkan pada tahun 1984, Hashim Awang memberikan definisi puisi sebagai satu bentuk pantun tradisional yang terdiri daripada empat baris atau frasa di dalam setiap rangkap. Frasa ini terdiri daripada baris dengan lapan, sembilan, 10, atau sebelas suku kata. Setiap baris mesti mempunyai bunyi atau rima yang sepadan pada penutupnya. Untuk mengekalkan pola pendengaran yang konsisten, fonem terminal bagi baris pertama adalah mustahak sepadan dengan fonem baris ketiga, manakala struktur fonetik baris kedua sejajar dengan fonem baris keempat. Skema rima pantun lazimnya dikenal pasti sebagai “ABAB”.

Puisi lisan tradisional, seperti pantun boleh digunakan ke dalam pengajaran berasaskan Didik hibur kerana ianya boleh menyampaikan perkaitan antara pengajaran lalu sehingga pengajaran terkini yang berterusan dalam dunia moden. Fungsinya kata kata pada baris rima dan maksud pengajarannya terdapat dalam hampir kesemua aspek kehidupan manusia seperti kegiatan berunsur ucapan, seni, budaya dan pendidikan, menyebabkan prosa pantun terus digemari. Kesemua puisi pantun yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu tradisional memperlihatkan pemikiran masyarakat yang menghasilkannya. Pantun juga menggambarkan latar hidup, dan penghayatan seni masyarakat Melayu dalam zamannya. Pemupukan kesedaran ini mempunyai kepentingan kerana ia membolehkan murid melihat dan menghargainya sebagai

komponen penting dalam ciptaan seni yang sangat berbaloi dengan implikasi yang mendalam terhadap kehidupan mereka. Puisi berpotensi untuk meningkatkan kefahaman dan tafsiran tatabahasa dan kosa kata secara berkesan dengan banyak konotasi dalam kalangan murid pemulihan. Secara khusus, penggunaan puisi dua bahagian boleh berfungsi sebagai alat yang berharga dalam hal ini.

Penggunaan puisi berirama sebagai strategi membolehkan murid yang memerlukan sokongan tambahan untuk mengenal pasti, menyusun dan menyenaraikan makna, konsep, mesej dan pengajaran yang terkandung dalam puisi dwipartit secara berkesan dan cepat. Ini membantu dalam meningkatkan kecekapan pemahaman mereka. Penggunaan pendekatan berima menawarkan peluang kepada murid pemulihan untuk memperoleh keseronokan daripada rima sambil memahami kepentingan keseluruhannya. Latihan ini berfungsi sebagai satu cara untuk memupuk perkembangan kreativiti melalui penciptaan karya seni. Penggunaan teknik puisi berima memudahkan pembangunan puisi dua kerat yang dikarang sendiri oleh pelajar pemulihan, sehingga memberi mereka pendedahan kepada pengalaman baru dalam alam kajian manusia. Puisi menyediakan persekitaran yang kondusif dan menyeronokkan untuk kanak-kanak pemulihan untuk memperoleh kemahiran bahasa pertuturan, kerana sifatnya yang menenangkan dan menawan hati. Penyertaan puisi dalam didik hibur berfungsi untuk memupuk rasa ingin tahu murid-murid pemulihan, sekaligus merangsang daya imaginasi mereka melalui pembacaan puisi seperti pantun dua kerat.

Untuk melaksanakan puisi melalui pantun secara berkesan, guru pemulihan perlu berpegang kepada beberapa prinsip berpantun. Prinsip berpantun hendaklah dirancang supaya menepati objektif pengajaran, iaitu untuk mempertingkatkan kemahiran dan kebolehan berbahasa dalam kalangan murid. Pantun digunakan perlulah

menggunakan bahasa yang sesuai dari segi kebolehan berbahasa murid, perkembangan emosi, intelektual dan minat. Pantun yang dipilih juga perlu sesuai dengan peringkat dan mengikut kebolehan, mental, bakat dan minat murid. Pilihlah hanya pantun yang mudah dan senang untuk difahami. Puisi yang terlalu panjang dan kabur perlu dielakkan. Pantun yang dipilih mestilah terdiri daripada pantun yang bermakna kepada murid. Ia bermanfaat dan dapat menyumbang kepada proses pembentukan peribadi mulia murid. Pantun yang mempunyai struktur dan persoalan yang menarik haruslah digalakkan penggunaanya. Pantun dua kerat yang baik adalah pantun yang menggunakan unsur-unsur alam semula jadi sebagai pembayangnya. Pantun tersebut perlu mengandungi olahan bahasa yang baik supaya menolong mempertingkatkan kemahiran berbahasa murid. Penggunaan pantun dua kerat yang tidak beretika perlu dihindarkan. Pantun yang dipilih harus mudah dibayangkan oleh murid dan jika boleh dapatkan pantun-pantun yang ada dipersekitaran mereka terlebih dahulu. Bimbingan guru pemulihan perlu semasa murid pemulihan menjalankan aktiviti mencipta pantun dua kerat. Tujuannya supaya murid pemulihan tidak terlalu gairah menggunakan pelbagai ungkapan yang kurang sesuai walaupun penggunaannya agak jenaka, tetapi akhirnya merosakkan bahasa itu sendiri.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Kegagalan penerapan penggunaan pendekatan didik hibur oleh guru -guru pemulihan khas di sekolah rendah mula diperkatakan apabila kadar murid bermasalah 3M semakin meningkat. Hal ini menjadi isu, apabila timbulnya pendapat dari kajian yang menyatakan peningkatan murid lemah 3M ini, berpunca dari kegagalan guru pemulihan dalam menguasai pedagogi ini dan ini membuatkan guru -guru pemulihan tidak menggunakannya, sebagai strategi pengajaran alternatif di kelas pemulihan.

Guru yang gagal dalam menguasai pedagogi pendekatan Didik Hibur, menunjukkan ianya berpunca dari kelemahan guru itu sendiri yang tidak mampu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan dalam usaha memulihkan masalah pembelajaran muridnya. Kelemahan guru ini berpunca dari banyak faktor, antaranya faktor pengetahuan guru yang cetek kerana tidak tahu cara menggunakan strategi pengajaran didik hibur di kelas, ataupun faktor dimana guru-guru pemulihan itu sendiri tidak diberikan pendedahan atau bimbingan yang mencukupi dalam mempelajari pendekatan tersebut. Selain itu, faktor kekerapan guru menggunakan pendekatan didik hibur di kelas pemulihan turut menyumbang kepada permasalahan ini dan mempunyai perkaitan. Ini disebabkan guru yang jarang- jarang menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran didik hibur mungkin berpunca dari pengetahuan guru itu sendiri yang lemah dan cetek ilmu. Justeru itu, sudah pastilah guru tersebut tidak mempunyai kemahiran melaksanakan dalam menggunakan didik hibur semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas. Permasalahan ini berkaitan juga dengan sikap guru, dimana terdapat sebilangan guru yang lemah pengetahuan dan kurang mahir dalam pendekatan didik hibur, akan jarang menggunakannya atau tidak menggunakannya dalam sesi pengajaran di kelas.

Guru pemulihan yang tidak menguasai pengetahuan tentang pedagogi Didik Hibur akan menyebabkan kaedah pengajarannya gagal menarik minat murid dalam proses pembelajaran dan pengajaran di kelas. Impaknya akan berlaku peningkatan bilangan murid yang bermasalah dalam penguasaan 3M didalam kelas kerana tidak berjaya dipulihkan. Isu ini amat membimbangkan kerana masih terdapat ramai murid yang masih buta huruf dan tidak boleh membaca kerana tidak berjaya dipulihkan semasa di kelas pemulihan. Hal ini telah dibuktikan melalui kajian oleh Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd. Rahman (2011), yang menjelaskan pelbagai masalah